

**FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM :
SUATU PENDEKATAN DARI SUDUT AL-QUR'AN DAN PERISTILAHAN**

Dr. Mohd Nasir bin Abd Hamid

Center for Islamic Thought & Understanding (CITU),
Universiti Teknologi MARA, Kampus Arau, Perlis

e-Mel: mdnasir@perlis.uitm.edu.my; **Tel:** : **Faks:**

Tahap pengajian: Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendidikan dapat diterangkan sebagai suatu proses yang berterusan untuk membentuk manusia daripada keadaan yang tidak sempurna kepada keadaan yang lebih sempurna. Ia juga adalah suatu proses pengalaman kerana kehidupan adalah pertumbuhan dan dalam hal ini pendidikan adalah bererti membantu pertumbuhan batin tanpa dibatasi oleh usia. Ahli pendidikan Islam yakin bahawa pendidikan yang ideal adalah bermatlamat untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, akli dan rohani bagi mencapai kebahagiaan hidup dan keredaan Allah SWT. Inilah yang jelas difahami dari kupasan mereka terhadap istilah *al-tarbiyyah* dan *al-ta'dib* yang memberi makna bahawa proses mendidik melibatkan proses mendisiplinkan akal dan jiwa bagi melahirkan tindakan yang baik dan mempertahankan peribadi daripada unsur yang merosakkan. Ia berasaskan sumber wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah al-Nabawiyyah, pengalaman *al-Salaf al-Ṣālih* serta ilmuan muktabar. Objektifnya yang terunggul adalah untuk melahirkan insan sempurna (*insān kāmil*) seumpama Rasulullah s.a.w - yang beriman dan bertakwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan dan mampu bertanggung jawab memakmurkan alam ini untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.